

Sijil palsu: MB Johor mohon maaf

JOHOR BAHRU 14 Feb. - Menteri Besar, Datuk Osman Sopian memohon maaf berkaitan kelayakan akademiknya yang sebelum ini didakwa berkelulusan dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Jelas Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Johor itu, beliau sebenarnya belajar di Kolej Pertanian Malaya sebelum dinaik taraf kepada Universiti Pertanian Malaysia (UPM).

“Untuk makluman, saya pernah mengikuti pengajian di Kolej Pertanian Malaya sebelum dinaik taraf kepada UPM, namun tidak menamatkan pengajian.

“Adalah di luar pengetahuan saya apabila muncul dalam beberapa laman sesawang yang mengatakan saya berkelulusan Diploma dan Ijazah Perakaunan dari UPM.

“Oleh itu, saya dengan penuh rasa rendah diri memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia terhadap kekeliruan dan salah faham berhubung kelayakan akademik saya,” katanya seperti dipetik daripada sebuah laman portal berita tempatan di sini hari ini.

Sebelum ini Osman tidak memberi sebarang komen apabila pihak media bertanyakan beliau berhubung dakwaan tidak memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Perakaunan dari UPM.

Isu tersebut timbul selepas cerita 'sijil palsu' Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya dan berikutan itu orang ramai mula meragui kelayakan Osman setelah mendakwa mempunyai Ijazah dan Diploma Perakaunan dari UPM yang kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia.

Menurut akaun laman Facebook Ops Johor, warganet mula mempersoalkan kelayakan Os-



"Adalah di luar pengetahuan saya apabila muncul dalam beberapa laman sesawang yang mengatakan saya berkelulusan Diploma dan Ijazah Perakaunan dari UPM"

OSMAN SAPIAN

man kerana pemeriksaan mereka mendapati UPM hanya mula menawarkan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan pada tahun 1985, manakala Diploma Perakaunan tidak ditawarkan di universiti tersebut.

Osman seterusnya berkata, atas rasa tanggungjawab beliau mengarahkan semua maklumat berkaitan kelulusan Diploma dan Ijazah Perakaunan UPM dipadamkan serta merta daripada mana-mana laman sesawang rasmi.

“Saya harap isu ini tidak perlu diperbesarkan lagi mana-mana pihak,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas.